



Pengurusan Dana Khairat Masjid daripada Perspektif Perlembagaan, Undang-Undang, Sains Sosial dan Syarak

**Siyasah
Syar'iyah**

Management of the Mosque's Khairat Fund from Constitution, Legal, Social Science and Syarak Perspective

51

Submitted: 30 September 2021

Revised: 6 October 2021

Accepted: 18 October 2021

E-Published: 31 October 2021

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM

(Corresponding Author)

Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi Selangor.
mohdrofaizal@kuis.edu.my

MOHAMAD SABRI HARUN

Jabatan Mufti Negeri Terengganu,
Pusat Pentadbiran Islam Terengganu,
Kuala Terengganu, Terengganu.
mufti@terengganu.gov.my

ABDULL RAHMAN MAHMOOD

Pusat Islam, Masjid Universiti
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.
abrm@ukm.edu.my

ABSTRAK

Khairat dari perspektif syarak ialah istilah umum bagi semua bentuk perbuatan kebajikan. Maksud khairat juga dapat difahami dari peruntukan perlembagaan di bawah kebebasan beragama di mana setiap agama bebas menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan yang bertujuan untuk keagamaan, khairat dan kebajikan kepada penganut. Khairat menurut Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) dirujuk dengan maksud bertujuan kebajikan dan kebaikan. Perkara masjid dan yang berhubungan dengan masjid telah ditetapkan di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana yang telah ditentukan di bawah Senarai Negeri (Senarai 2) Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. MAIN memberi kuasa kepada jawatankuasa pengurusan masjid untuk menguruskan harta dan dana masjid termasuk mengadakan kutipan wang khairat. Wang Kutipan ialah sebarang derma, kutipan Jumaat, sumbangan anak yatim, wakaf, khairat kematian, hasil sewaan dan apa-apa sumbangan tunai di bawah kawalan masjid.





Ketidakfahaman maksud khairat menjadikan kebanyakan aktiviti masjid hanya terfokus kepada aktiviti kerohanian semata-mata sedangkan maksud khairat sebagaimana yang dimaksudkan oleh perlembagaan dan ditafsirkan oleh enakmen amat luas merangkumi ekonomi dan faedah-faedah lain. Tulisan ini melihat sejauh mana potensi khairat masjid dan surau berperanan membangunkan sosial anak kariah selaras dengan maksud khairat yang dikehendaki oleh perlembagaan dan syarak. Tulisan ini melakukan analisis terhadap makna khairat dari sudut syarak, undang-undang, sejarah dan amalan masyarakat Melayu Islam. Hasil tulisan ini mendapati dana khairat masjid perlu dioptimumkan penggunaannya untuk menghakis persepsi peranan masjid yang terhad sebagai pusat keagamaan sahaja

Kata Kunci: Khairat, Khairat Kematian, Pengurusan Masjid, Pembangunan Sosial, *Tabarru'*

ABSTRACT

General definition of *Khairat* is a charitable acts. The meaning of *khairat* can also be understood from the constitutional provisions under religious freedom whereby each religion is free to establish the foundations for the purpose of religion, *khairat* and welfare of the believers. According to the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993 and the Enactment of the Islamic Religious Administration of the States (MAIN), *khairat* is for the purpose of welfare and goodness. A mosque and matters related to the mosques are under the jurisdiction of the state as determined under the State List (List 2) of Ninth Schedule, Federal Constitution. MAIN authorizes the mosque management committees to manage the mosque's property and funds including *khairat* fundraising. Money collection includes any donation, Friday prayers' collection, orphanage donation, *waqf*, funeral donation, rental and any cash donations under the control of the mosque. Misunderstanding of the meaning of *khairat* limits the activities of the mosque to spiritual activities only whereas it has a broad meaning under the Federal Constitution and the enactments which should be extended for the economy purposes and other benefits. This article will review the potential of *khairat* at the mosques and suraus of their role in developing the members of the society's social life which should be consistent with the meaning of *khairat* as provided by the constitution and Syara'. This article further analyses the meaning of *khairat* from the syara' point of view, law, history and practices of the Muslim Malay community. The article found that the usage of mosque's *khairat* fund should be optimised to uphold a good perception of the mosque's role to the society.

Keywords: Donation, *Khairat*, Mosque Management, Social Development, Welfare Death

PENGENALAN

Seksyen 7 (1) (2) (b) dan (c) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Selangor 2003 (EPAINS 2003) menjelaskan maksud khairat sebagai usaha membantu kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Malaysia.

Antara kewajipan dan peranan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ialah menjalankan usaha membantu kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Malaysia dengan menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam selaras dengan hukum syarak. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003- Bahagian II (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan) dalam Seksyen 7 memperuntukkan berkaitan kewajipan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dalam kemajuan ekonomi dan sosial orang islam.

Dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, antara maksud kebebasan beragama ialah memberikan kebebasan menubuh dan menyelenggara yayasan-yayasan di bawah agama masing-masing bagi tujuan keagamaan dan khairat kepada penganut yayasan atau pertubuhan agama.

Khairat adalah di bawah bidang kuasa Badan Perundangan Negeri (Senarai II) dan Senarai Bersama (Senarai III) dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan berdasarkan kepada pembahagian kuasa perundangan antara persekutuan dan Badan Perundangan Negeri sebagaimana yang diperuntukan oleh Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan.

Majlis Agama Islam Negeri memperuntukan kuasa bagi masjid untuk membuat kutipan daripada orang awam dalam bentuk khairat kebajikan melalui tabung masjid, kutipan Jumaat dan hari kebesaran Islam seperti hari raya, majlis ceramah sempena hari kebesaran Islam dan sebagainya (Asharaf et.al, 2009)

KAJIAN LEPAS

Beberapa kajian mengenai pengurusan masjid telah mencadangkan agar penggunaan dana khairat masjid diperluaskan kepada bentuk bantuan kredit memulakan perniagaan kepada anak kariah dalam rangka membangunkan ekonomi sosial (Joni Tomkin, 2011). Selain itu terdapat juga cadangan agar dana masjid dijadikan sumber membantu golongan yang memerlukan dari kalangan fakir dan miskin (Husnul Rita, 2014). Cadangan-cadangan ini adalah selaras dengan kewajipan Majlis Agama Negeri (MAIN) bagi kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam. Selain itu, cadangan-cadangan ini juga memerlukan perincian dari sudut syarak dan dasar yang jelas dalam merangka penggunaan dana khairat masjid.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan yang menggunakan sumber primer iaitu menghuraikan tentang prinsip dan falsafah khairat menurut perspektif undang-undang,

shariah, fiqh muamalat dan pembangunan sosial di samping merujuk sumber sekunder iaitu jurnal dan artikel dalam mencerpap maklumat bagi menjana idea dan kupasan terkini dalam memaknai khairat dan aplikasinya di alam Melayu. Kajian juga merujuk kepada Perlembagaan Malaysia iaitu perkara 11 di bawah kebebasan beragama, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) sebagai salah satu sumber yang dirujuk terutama aspek perundangan dan aplikasi semasa di samping menganalisis perbandingan kedudukan terma khairat. Kajian ini melihat kepada sejauh manakah keharusan menggunakan wang khairat masjid untuk pembangunan sosial sebagai merealisasikan pandangan-pandangan yang diutarakan dalam kajian lepas agar wang khairat masjid diperluaskan penggunaannya untuk bantuan kredit dan fkir miskin.

KONSEP KHAIRAT MENURUT ISLAM

Perkataan khairat (خَيْرَاتٌ) ialah perkataan arab dalam bentuk *jama'* yang berasal dari perkataan *al-khair* (الْخَيْرُ). *Al-khair* dari sudut bahasa bermaksud baik atau lawan kepada buruk atau jahat (الشَّرُّ) yang berasal berasal dari خَيْرٌ - يَخَيْرُ - خَيْرٌ. *Al-khair* (الْخَيْرُ) bermaksud semua perkara yang baik dan memberi faedah. *Khairat* yang berasal dari kata nama خَيْرَةٌ dari perkataan خَيْرٌ - يَخَيْرُ - خَيْرَةٌ bermaksud semua perkara yang baik dan memberi faedah.

Perkataan *Khiyaratun* (خَيْرَاتٌ) pula bermaksud pilihan atau membuat pilihan. kebebasan atau kebolehpayaan membuat penilaian mengenai perkara yang banyak mengandungi manfaat sebagaimana Firman Allah SWT:

وَيَخْتَارُ مَا كَانَ لَهُمُ الْخَيْرَةُ

Allah yang memilih (untuk kebaikan mereka) dan mereka tidak mempunyai pilihan.

(al-Qasas, 28:68)

Al-khair ialah kebajikan atau yang bertujuan kebajikan seperti wakaf yang dilakukan untuk tujuan *al-khair* iaitu kebajikan dan manfaat umum (Al-Juwaini, 2007).

Dalam bahasa Melayu *khairat* ditakrifkan sebagai kebajikan, derma, sedekah dan berkhairat bermaksud membuat kebajikan kepada orang lain seperti bersedekah, berderma, berwakaf dan sebagainya¹. *Khairat* ialah kebajikan dan wang khairat pula ialah wang diberikan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (al-Zarqa, 1992).

¹ <https://prpm.dbp.gov.my>

Takrifan khairat dari sudut bahasa dan istilah menepati konsep *tabarru'*. Para ulamak mengkategorikan akad-akad yang tidak bermotifkan keuntungan dan imbalan di bawah senarai akad *tabarru'*. Tidak terdapat takrifan atau definisi khusus yang dikemukakan oleh fuqaha kepada perkataan *tabarru'* (Al-Nawawi, 1991). Para ulamak telah mengemukakan akad-akad seperti wakaf, hibah, hadiah, wasiat dalam mendefinisikan akad *tabarru'* kerana akad-akad yang disebutkan merupakan perbuatan menyerahkan harta kepada pihak lain tanpa sebarang imbalan dengan dengan tujuan kebajikan (Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 1993).

Tabarru' (*gratuitos contract*) ialah pemberian yang tidak bermatlamatkan keuntungan (*non profit transaction*) bahkan dilakukan dengan niat membantu atau untuk faedah umum. *Tabarru'* ialah perkataan dari bahasa Arab yang bermaksud melakukan kebajikan dengan rela hati (Ahmad Ibn Muhammad al-Fayyumi, 1985; Al-Juwaini, 2007).

Tabarru' ialah kontrak yang berasaskan toleransi dan tolak ansur. Pemberi membelanjakan hartanya tanpa menagih gantian yang sewajar dengan pemberiannya. Pemberi memindahkan hak miliknya kepada penerima tanpa mengharapkan balasan dan bayaran gantian dan oleh yang demikian unsur ketidakpastian terhadap barang yang ditabarru'kan dibenarkan. Kontrak *tabarru'* adalah kontrak yang melibatkan pemindahan hak milik kepada pemilik baru tanpa sebarang bayaran atau pampasan seperti hibah, sumbangan kebajikan, derma, wasiat, dan wakaf (Al-Juwaini, 2007).

KHAIRAT DARI PERPSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Pernyataan undang-undang mengenai khairat telah disentuh dengan maksud yang luas. Dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara 11 di bawah kebebasan beragama, memperuntukan kebebasan setiap agama yang dianuti oleh penduduk Malaysia untuk menubuhkan dan menyelenggarakan institusi-institusi dengan maksud agama atau khairat. Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan khairat di bawah bidang kuasa Perundangan Negeri berdasarkan kepada pembahagian kuasa perundangan antara persekutuan dan Badan Perundangan Negeri di bawah Senarai Negeri (Senarai II) dan Senarai Bersama (Senarai III) dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 (Akta 554) menyentuh khairat dengan maksud harta bagi faedah masyarakat atau sebahagian besar masyarakat atau apa jua tujuan dan maksud yang mendatangkan faedah kepada masyarakat².

Akta juga menyenaraikan jenis dan sifat maksud atau maksud-maksud khairat sebagai:

a) pengurangan atau pembasmian kemiskinan;

b) pemajuan pendidikan;

² Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 (Akta 554) mengandungi segala pindaan sehingga 31 Mei 2009. Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia di bawah kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968.

- c) penggalakan seni, sains dan agama;
- d) perlindungan alam sekitar;
- e) hak asasi manusia dan kebebasan asasi; atau
- f) mana-mana maksud lain yang mendatangkan faedah kepada masyarakat.

Penafsiran maksud khairat oleh Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996 (Akta 554) tidak jauh bezanya dengan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri menjelaskan khairat dengan maksud harta yang bertujuan kebajikan dan kebaikan.

Penafsiran makna khairat mengikut enakmen adalah mengikut kepada makna khairat yang berasal dari perkataan arab. Wang yang disumbangkan kepada masjid melalui tabung-tabung yang diedarkan pada hari Jumaat, solat hari raya atau apa-apa kutipan yang dijalankan di masjid adalah termasuk dalam terma khairat sebagaimana yang difahami menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri kerana derma dan sumbangan yang diserahkan kepada masjid adalah bagi maksud manfaat atau faedah agama atau khairat untuk kebajikan khusus dan umum.

Garis Panduan Penggunaan Wang Masjid dan Surau Negeri Melaka (2011) turut menyatakan bahawa derma orang ramai adalah khairat untuk kemaslahatan jemaah dan keperluan masjid dan surau kerana derma adalah bertujuan khairat.

KHAIRAT DARI PERSPEKTIF PEMBANGUNAN SOSIAL

Antara peranan dan kewajipan Majlis Agama Islam Negeri ialah membantu kesejahteraan sosial masyarakat Islam di Malaysia. Kesejahteraan sosial yang dimaksudkan ialah menggalakkan, mendorong, membantu, mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam.³

Masjid-masjid di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Peruntukan bidang kuasa tersebut adalah selaras dengan akta atau enakmen negeri masing-masing. Selain memperuntukkan bidang kuasa, enakmen juga menjelaskan bidang kuasa ahli jawatankuasa dan pegawai-pegawai masjid dan kuasa berkaitan pengurusan dana dan harta masjid.

Berkaitan pengurusan dana harta dan harta masjid, wang masjid dibelanjakan untuk aktiviti pengimarahannya. Di samping perbelanjaan aktiviti pengimarahannya yang

³ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003. Bahagian II - Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dalam Seksyen 7-Kewajipan Majlis bagi Kemajuan Ekonomi dan Sosial Orang Islam.

bersifat ibadah seperti solat berjemaah dan keilmuan seperti ceramah agama, aktiviti pengimarahannya yang bersifat kemasyarakatan atau sosial perlu diberikan penekanan agar selaras dengan bidang kuasa dan fungsi yang diperuntukan kepada MAIN oleh Perlembagaan Persekutuan untuk menggalakkan, mendorong, membantu, mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Pembangunan dan kemajuan sosial dihubungkan dengan pelbagai strategi, program dan aktiviti yang menekankan kepada pengisian nilai-nilai yang akan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan sebenar (Roziyah, 2000).

Aktiviti pengimarahannya yang beragendakan kemasyarakatan dengan objektif membangunkan ekonomi masyarakat Islam merupakan satu pendekatan bijaksana yang memerlukan usaha, kebijaksanaan dan reformasi pengurusan masjid. Dengan demikian masjid akan berfungsi sebagai sebuah institusi yang membangunkan sosial melalui aktiviti kerohanian dan keilmuan serta ekonomi umat Islam seterusnya meningkat taraf kehidupan mereka.

Wang khairat ialah wang derma atau derma sosial. Derma sosial ialah pemberian, kesukarelaan untuk tolong menolong sesama manusia yang merupakan suatu pendekatan tradisi yang berasaskan nilai dan ajaran agama (Pathak, 1981).

Dalam sejarah Islam, derma sosial wujud dalam pelbagai bentuk kreativiti masyarakat untuk membantu sesama mereka. Abu Musa al-Ash'ry r.a. umpamanya pernah mendapat pujian dari Rasulullah SAW. Nabi SAW telah memuji kaum kerabat al-Ash'ry kerana mereka mengamalkan suatu sistem yang mirip kepada perlindungan sosial berkelompok untuk bantu-membantu sesama mereka. Sabda Nabi SAW:

عن أبي موسى - رضي الله عنه - قال: قال النبي - صلى الله عليه وآله وسلم (إن الأشعريين إذا
جمعوا ما كان عندهم في ثوب واحد ثم اقتسموه بينهم في أرملة في الغزو، أو قل طعام عيالهم بالمدينة
إناء واحد بالسوية فهم مني وأنا منهم)

Sesungguhnya keluarga Al-Ash'ary itu apabila berkurang bekalan makanan mereka dalam peperangan atau di kalangan ahli keluarga mereka di Madinah, mereka mengumpulkan semua (makanan) yang ada pada mereka di dalam satu kain, kemudian mereka membahagikan makanan tersebut di kalangan mereka dalam satu bekas secara sama rata dan adil, sesungguhnya mereka adalah dari golonganku dan aku adalah daripada mereka.

(Al-Bukhari, 2001)⁴

Amalan mengumpulkan bekalan makanan yang berbaki dan kemudian mengagihkannya di kalangan ahli masyarakat merupakan suatu bentuk perlindungan sosial. Selain makanan, apa jua barangan yang menjadi keperluan masyarakat seperti

⁴ Sahih al-Bukhari, kitab al-syarikah, bab al-syarikah fi al-ta'am wa al-nihd wa al-urudh (138/3)

wang ringgit juga boleh dijadikan instrumen perlindungan sosial sebagaimana khairat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu yang diuruskan oleh masjid dan surau.

Khairat kematian merupakan salah satu contoh perlindungan sosial yang menggunakan wang khairat anak kariah. Khairat kematian ialah pakatan kebajikan yang dianggotai oleh anak kariah yang menyumbang secara bulanan ke dalam tabung khas. Khairat mati juga merupakan salah satu dari strategi perlindungan sosial yang penting dan menurut Siti Hajar dalam Pathmanathan R. Nalasamy (2013), perlindungan sosial amat diperlukan untuk menjamin dan melindungi kebajikan masyarakat.

Wang khairat yang terkumpul akan diagihkan kepada keluarga ahli persatuan khairat yang meninggal dunia. Wang khairat tersebut merupakan bantuan untuk meringankan beban kos mengurus jenazah seperti urusan mandi, kafan, upah penggali kubur, batu nisan, kenderaan jenazah, keranda dan saguhati kepada imam termasuk juga wang ehsan sebagai bantuan segera kepada keluarga ahli khairat mati.

Khairat mati ditubuhkan oleh anak-anak kariah dan penyertaan dalam pakatan kebajikan khairat mati merupakan satu bentuk penyertaan sosial. Penyertaan anak-anak kariah dalam pakatan kebajikan khairat mati merupakan penyertaan penyertaan sosial yang merujuk kepada aktiviti menyertai atau melibatkan diri dalam aktiviti kehidupan bermasyarakat (Pathmanathan R. Nalasamy, 2013) serta pelbagai termasuk sukan, riadah, keagamaan, kesenian, kesihatan dan keselamatan (Zaff et al. 2010).

Penyertaan sosial dalam bentuk pakatan wang yang bertujuan melindungi kebajikan boleh dikembangkan kepada bentuk pakatan kebajikan yang bertujuan membangunkan sosial ekonomi masyarakat. Masjid perlu berfungsi sebagai tempat pakatan kebajikan yang bertujuan membangunkan sosial ekonomi masyarakat melalui dana khairat masjid.

Jarir Ibn Abdullah r.a. meriwayatkan mengenai kisah kabilah Mudar yang datang menemui Nabi SAW dalam keadaan keadaan tidak beralas kaki dan tidak cukup pakaian. Keadaan mereka amat naif sehingga wajah Nabi s.a.w berubah lantaran kesempitan kehidupan mereka. Lantas Nabi s.s.w masuk ke rumah dan kemudian baginda keluar menitahkan Bilal r.a. melaungkan azan dan iqamah solat Zohor. Seusai solat Nabi SAW berkhutbah dan membaca ayat al-Quran dari ayat 1, Surah al-Nisa' dan ayat 18, surah Al-Hashr dan menitahkan orang ramai yang hadir untuk bersedekah. Pada mulanya orang ramai agak perlahan untuk menghulurkan sedekah mereka sehinggalah datang seorang lelaki Ansar dengan satu kantung yang hampir-hampir tidak mampu dipegang dengan tapak tangannya. Melihat perbuatan lelaki Ansar tersebut orang ramai pun terus bersedekah dan berterusan sehingga

terkumpulnya longgokan besar pakaian dan makanan. Wajah nabi SAW berseri-seri melihatkan keadaan tersebut (Muslim, 2006)⁵.

Rasulullah SAW menjadikan masjid sebagai pusat pengumpulan dana-dana infak yang berperanan menyediakan dana untuk mereka yang berkeperluan. Perbuatan Nabi SAW juga merukan suatu bentuk perlindungan sosial dengan penyertaan masyarakat sekeliling. Kisah kabilah Mudar ini juga menunjukkan bahawa setiap masjid perlu berfungsi dari semua sudut termasuk ekonominya bagi kepentingan institusi dan juga kepada mereka yang memerlukannya (Amru al-Haz, 2015).

DANA KHAIRAT MASJID

Wang khairat yang didermakan dengan tujuan dan niat yang khusus perlu disalurkan penggunaannya sesuai dengan niat dan tujuan pemberi. Sumbangan orang ramai yang diterima oleh pihak masjid melalui tabung-tabung yang diletakkan dalam masjid dibelanjakan sesuai dengan tujuan tabung tersebut diwujudkan seperti tabung khas yang bersifat spesifik kepada program atau golongan tertentu dan tidak boleh digunakan atau disalurkan kepada tujuan-tujuan lain yang tidak berkaitan dengan niat penderma (Al-Ansari Z. B., 1313 H).

Wang khairat masjid yang dimasukkan ke dalam tabung derma masjid merupakan sumbangan umum yang tidak dikhususkan untuk tujuan tertentu. Wang sumbangan ini boleh digunakan untuk aktiviti membangunkan sosial masyarakat melalui aktiviti-aktiviti kerohanian, pendidikan, pemulihan dan sebagainya atau aktiviti pembangunan ekonomi sosial melalui aktiviti-aktiviti kebajikan kepada golongan yang memerlukan selama mana terdapatnya *masalah* kaum muslimin menerusi pemberian tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh fuqaha' al-syafieyah mengenai sumbangan umum (Al-Ansari Z. B., 1313 H).

Wang khairat masjid yang tidak dikhususkan penggunaannya disalurkan kepada perkara-perkara dan aktiviti-aktiviti yang memberi *masalah* kepada kaum muslimin dan kepada golongan-golongan yang memerlukan. Wang khairat masjid terlebih utama untuk digunakan dalam perkara yang memberi kemaslahatan kepada umat Islam berbanding wang haram yang dilupuskan melalui derma atau sumbangan kepada masjid.

KESIMPULAN

Konsep khairat merupakan konsep kebajikan, derma sosial yang bertujuan bantu-membantu sesama ahli masyarakat. Dalam masyarakat melayu, perkataan khairat umumnya dirujuk kepada khairat kematian yang berfungsi sebagai usaha membantu urusan penyelenggaraan jenazah. Definisi khairat yang diberikan oleh enakmen menunjukkan bahawa khairat perlu diperluaskan penggunaannya sehingga ke peningkatan taraf ekonomi dan kehidupan masyarakat.

⁵ Muslim, bab *al-haml bi ujah yatasadaq biha wa al-nahyu al-syadid 'an tanqish al-mutasaddiq bi qail*, no 1697

Tulisan ini juga menunjukkan bahawa wang derma yang dimasukkan ke dalam tabung masjid merupakan wang khairat dan perlu diurus selari dengan definisi dan maksud khairat yang diperuntukkan oleh enakmen yang tertakluk kepada hukum-hakam *fiqh muamalat*. Pembangunan sosial yang menjadi salah satu fungsi khairat sebagaimana dinyatakan oleh Perlembagaan Persekutuan dan enakmen perlu diperincikan dari sudut hukum syarak agar penggunaan dana khairat masjid diperluaskan kepada aktiviti pembangunan sosial ekonomi, membantu anak kariah mengembangkan ekonomi dan sebagai sumber bantuan kepada fakir dan miskin sebagaimana yang dicadangkan oleh beberapa pengkaji.

RUJUKAN

- Ahmad Ibn Muhammad al-Fayyumi. (1985). *Al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarah al-Kubir*. Beirut-Lubnan: Maktabah Ilmiah.
- Amru al-Haz, A. a.-H. (2015). *Pengurusan Derma Awam Dalam Menjana Ekonomi Masjid*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Azman Bin Mohd Noor. (2010). *Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad*. Jurnal Muamalat Bil. 3.
- Al-Ansari, Z.B (1313 H). *Asna al-Mathalib fi Syarah Raudh al-Thalib*. Beirut: al-Matba'ah al-Maimaniyyah.
- Al-Ansari, Z. B.-A. (1997). *Minhaj al-tullab fi fiqh imam al-Syafie*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, A. A.-M. (2001). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah Mesir: Jamiyyat al-Maknaz al-Islami.
- Husnul Rita, H. R. (2014). *Pengurusan Tabung Masjid Ke Arah Pembangunan Ekonomi Masyarakat Setempat*. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf, IMAF.
- Joni Tomkin, B. (2011). *Membentuk Usahawan Muslim: Peranan Dana Masjid*. *Al-Basirah* Vol 1, No. 1, 53-63,
- Al-Juwaini, A. M. (2007). *Nihayat al-Matlab fi Dirayat al-Mazhab*. Beirut-Lubnan: Dar al-Minhaj.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2015). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Edisi Ke 2*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, M. B.-H.-Q.-N. (2006). *Sahih Muslim*. Al-Riyadh: Dar Thayyibah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. (1993). *Wizarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyah*. Mesir: Dar al-Safwah.



- Al-Nawawi, Y. B.-N. (1991). *Raudhat al-taholibin wa 'umdat al-muftin*. Beirut: Al-maktab al-Islami.
- Pathak, S. (1981). *Social Welfare: An Evolutionary and Developmental Perspective*. New Delhi: Macmillan India Limited.
- Pathmanathan R. Nalasamy, s. h. (2013). *Hak Kanak-kanak Dalam Jagaan Institusi Awam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Roziah Omar, J. D. (2000). *Issues and Challenges of Social Policy East & West*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Zasri Ali, Z. M. (2012). Masjid Sebagai Pusat Pembinaan Umat, *Jurnal Toleransi*, Vol. 4, No.1 1-11.
- Zainudin Yusof, Konsep AIDA Dalam Pengurusan Masjid, , Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Zarqa, M. A. (1992). Readings in Microeconomics An Islamic Perspective A Partial Relationship In A Muslim's Utility Function Dlm. Sayid Tahir, Aidit Ghazali, Syed Omar Syed Agil. *Reading in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Selangor: Longman Malaysia Sdn. Bhd.